

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Risikan dan penyamaran dilakukan pegawai Seksyen Amalan, Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor berjaya membongkar kegiatan haram seorang wanita yang bergiat aktif sebagai doktor gigi palsu.

Suspek wanita berusia 20-an itu dikesan menjalankan kegiatan itu sejak sekian lama di sebuah premis di Taman Puchong Prima, Puchong, Selangor.

Premis itu bagaimanapun diserbu pegawai Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diketuai Dr Muhamad Syafiq Muhamad Isa dibantu anggota polis baru-baru ini.

Tindakan diambil susulan maklumat terdapat individu menjalankan amalan pergigian tanpa berdaftar mengikut Akta Pergigian 2018 di lokasi itu.

Ketika serbuan dijalankan, suspek wanita warga tempatan terbabit didapati sedang menjalankan rawatan pergigian ke atas seorang pelanggan wanita di atas katil rawatan. Terdapat peralatan dan bahan pergigian yang dipercayai digunakan bagi menjalankan rawatan pergigian veneer di bilik berkenaan.

Ketika soal siasat dilakukan, suspek gagal mengemukakan Perakuan Pendaftaran dengan Majlis Pergigian Malaysia selain

PERALATAN digunakan doktor gigi tidak bertauliah yang dikesan pihak KKM.

HARIAN METRO M/s 19 LOKAL 8/4/2025 (SELASA)

BONGKAR KEGIATAN HARAM DOKTOR GIGI PALSU

Daftar tindik tubuh, tetapi rawat gigi

Perakuan Pengamalan Tahanan.

Pengeledahan dan pemeriksaan dilakukan pegawai KKM terhadap premis itu menjumpai bukti peralatan dan bahan pergigian digunakan untuk menjalankan amalan pergigian.

Semua barang berkaitan perkhidmatan haram itu dirampas sebelum satu laporan polis dibuat di Balai Polis Bukit Puchong.

Siasatan lanjut dilakukan dengan bantuan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan mendapati premis milik wanita itu bukan klinik pergigian swasta berdaftar dengan KKM.

Pemeriksaan dilakukan dengan Suruhanjaya Syarikat mendapati syarikat milik suspek didaftarkan bagi perniagaan menawarkan tindik tubuh dan sambungan bulu mata (eyelash extension).

"Berdasarkan siasatan,

suspek menggunakan peralatan pergigian dan bahan pergigian bagi mendorong orang ramai percaya dia berkeelayakan menjalankan amalan pergigian.

"Justeru itu suspek didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 63(1)(d) Akta Pergigian 2018 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 63(2) Akta yang sama," katanya.

"Suspek gunakan peralatan pergigian untuk orang ramai percaya dia berkeelayakan"
Dr Muhamad Syafiq

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : PENGUAT JIWA



SINAR HARIAN M/S 18 PENGUAT JIWA 8/4/2025 (SELASA)

Autisme di tempat kerja: Peluang atau cabaran



DR ALIZI ALIAS
 merupakan Konsultan
 Psikologi Organisasi;
 Penasihat Soul Fitness Wirisan
 Ummah Ikhlas Foundation;
 Pensyarah Sambutan
 UniKL Royal College
 of Medicine, Perak

Pernahkah anda bekerja dengan seseorang yang sangat teliti, suka rutin, tetapi mungkin kurang selesa dalam perubahan santai atau perubahan mendadak? Atau mungkin anda sendiri yang merasakan begitu? Jika ya, anda mungkin telah bertemu dengan seseorang dalam spektrum autisme – atau anda sendiri seorang *neurodivergent*.

Bukan masalah, cuma berbeza

Individu dalam spektrum autisme bukanlah kurang upaya, mereka hanya mempunyai cara pemrosesan maklumat dan interaksi sosial yang berbeza. Namun dalam dunia kerja yang sering menuntut kemahiran komunikasi tinggi dan kebolehan *multitasking*, mereka mungkin berdepan cabaran unik. Oleh kerana itu, dari perspektif perubatan spektrum autisme masih dianggap sebagai kurang upaya.

Antara cabaran utama yang dialami pekerja dalam spektrum autisme termasuk:

- 1. Kesukaran dalam komunikasi sosial** - Mungkin kurang memahami isyarat bukan lisan, kiasan atau norma sosial tidak bertulis.
- 2. Sensitiviti deria** - Bunyi mesin pencetak, lampu pejabat yang terang atau terlalu banyak rangsangan boleh mengganggu fokus.
- 3. Kesukaran dengan perubahan mendadak** - Perubahan jadual atau tugas tanpa notis boleh mencetuskan tekanan yang tinggi.
- 4. Kecenderungan kepada rutin dan struktur** - Mereka lebih selesa dengan tugas yang jelas dan rutin yang konsisten. Tetapi di sebalik cabaran ini, mereka mempunyai kelebihan yang luar biasa seperti ketelitian yang tinggi, tumpuan mendalam pada sesuatu kerja, serta kebolehan analitis yang kuat. Jadi, bagaimana kita boleh membantu mereka berkembang dalam dunia pekerjaan?



Individu dalam spektrum autisme bukanlah kurang upaya, mereka hanya mempunyai cara pemrosesan maklumat dan interaksi sosial yang berbeza.

lebih berkesan.

Perspektif Islam dan psikologi

Islam mengajar kita untuk melihat setiap individu sebagai ciptaan ALLAH yang unik dan bernilai. Rasulullah SAW bersabda: "Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia lain." (Hadis Riwayat Ibnu Hibban No: 2/48). Dalam konteks pekerjaan, ini bermaksud kita harus mewujudkan polisi, budaya dan persekitaran kerja yang menghargai dan menyokong setiap individu, termasuk mereka yang dalam kalangan *neurodivergent* seperti spektrum autisme.

Pakar psikologi organisasi dengan kerjasama pakar pengurusan boleh membantu majikan dalam menyesuaikan budaya kerja, membangunkan polisi sumber manusia yang menyokong pekerja autisme, serta menyediakan latihan kesedaran *neurodiversiti* kepada rakan sekerja.

Pakar psikologi klinikal dengan kerjasama pakar terapi cara kerja boleh membantu individu autisme mengurus tekanan kerja, meningkatkan kemahiran sosial, dan membangunkan strategi adaptasi untuk menangani cabaran di tempat kerja. Pakar psikologi kejuruteraan pula boleh mencadangkan penyesuaian ergonomik untuk mengurangkan sensitiviti deria.

Kesimpulan: Autisme satu kelebihan

Pekerja dalam spektrum autisme bukanlah beban, malah mereka boleh menjadi aset berharga jika diberi peluang dan sokongan yang betul. Sebagai majikan, rakan sekerja, atau pekerja sendiri, kita semua memainkan peranan dalam mewujudkan persekitaran kerja yang lebih inklusif dan produktif. Jika kita melihat mereka bukan sebagai 'masalah' tetapi sebagai keunikan yang membawa nilai, kita akan mendapati dunia pekerjaan yang lebih kaya dan berwarna.

Jadi, persoalannya bukan lagi bolehkah mereka bekerja tetapi bagaimana kita boleh memastikan mereka berjaya?

Selamat menyambut Hari Kesedaran Autisme pada 2 April 2025

Intervensi praktikal untuk pekerja, rakan sekerja dan majikan.

Untuk pekerja dalam spektrum autisme:

- 1. Kenal pasti kekuatan anda** - Adakah anda seorang yang teliti dalam data? Pakar dalam menyusun maklumat? Gunakan kelebihan ini.
- 2. Bincang dengan majikan tentang keperluan kerja** - Jika anda lebih selesa dengan arahan bertulis daripada lisan, minta agar komunikasi lebih jelas.
- 3. Gunakan alat sokongan** - *Noise-cancelling headphones*, aplikasi pengurusan tugas atau teknik pemafasan boleh membantu mengawal sensitiviti deria dan tekanan.

Untuk rakan sekerja:

- 1. Berkomunikasi dengan jelas dan langsung** - Kurangkan penggunaan bahasa kiasan atau metafora yang sukar difahami.
- 2. Hormati keperluan ruang dan ke-**

selesaian mereka - Jika mereka kurang selesa berbual semasa makan tengah hari, jangan ambil hati.

- 3. Bantu dalam situasi sosial** - Jika mereka nampak keliru dalam mesyuarat atau acara sosial, bantu mereka memahami konteks situasi dengan tenang.

Untuk HR dan majikan:

- 1. Wujudkan persekitaran kerja yang inklusif** - Sediakan kawasan kerja yang lebih tenang atau fleksibiliti dalam jadual kerja jika perlu.
- 2. Sediakan latihan kesedaran *neurodiversiti*** - Supaya seluruh organisasi lebih memahami dan menghormati keperluan pekerja *neurodivergent*.
- 3. Tawarkan bimbingan dan mentoring** - Program mentor rakan sekerja boleh membantu mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja.
- 4. Gunakan sistem komunikasi yang jelas** - Gunakan manual bertulis, video panduan, atau pertemuan satu-satu untuk menyampaikan arahan dengan

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 19 NASIONAL 8/4/2025 (SELASA)

Gigi palsu juga perlu digosok



GIGI palsu merupakan protesis yang digunakan untuk menggantikan gigi yang hilang akibat pelbagai faktor seperti penyakit gusi, karies, pergigian, faktor genetik atau kemalangan.

Walaupun gigi palsu bukanlah gigi asli, ia tetap memerlukan penjagaan yang rapi dan teliti, sama seperti gigi semula jadi.

Ramal pengguna gigi palsu beranggapan bahawa gigi palsu tidak perlu dibersihkan sekerap gigi semula jadi kerana ia bukan gigi sebenar.

Namun, hakikatnya gigi palsu yang tidak dijaga dengan baik boleh membawa pelbagai masalah kesihatan mulut, termasuk jangkitan dan bau mulut tidak menyenangkan.

Gigi palsu yang tidak dibersihkan dengan betul akan menyebabkan sisa makanan tertinggal di permukaan dan celah-celahnya.

Ini boleh menyebabkan pembentukan lapisan plak, seterusnya, boleh mengeras menjadi karang gigi jika tidak dibersihkan.

Plak ini bukan sahaja menyebabkan gigi palsu kelihatan kotor dan kusam, malah ia juga menjadi tempat pembiakan bakteria yang boleh mengganggu kesihatan mulut.

Bakteria-bakteria ini seterusnya akan menyerang enamel gigi yang berhampiran dan kemudiannya membentuk karies gigi.

Selain itu, gigi palsu yang tidak dibersihkan dengan baik boleh menjadi punca bau mulut yang tidak menyenangkan.

Bakteria dan sisa makanan yang tertinggal akan mengeluarkan bau busuk,

Gigi palsu yang tidak dijaga dengan baik boleh akibatkan masalah kesihatan mulut.

yang bukan sahaja menjejaskan keyakinan diri pengguna tetapi boleh menyebabkan ketidakselesaan kepada orang sekeliling.

Kajian menunjukkan 20 hingga 67 peratus pengguna yang tidak membersihkan gigi palsu dengan baik dan memakai an berpanjangan boleh menyebabkan jangkitan pada lelangit mulut yang boleh membawa kepada keadaan lebih serius seperti keradangan pada tisu mulut.

Justeru, langkah bagi memastikan gigi palsu kekal bersih dan selamat digunakan adalah dengan memberus dua kali sehari

menggunakan berus gigi yang lembut.

Elakkan penggunaan ubat gigi biasa kerana ia mengandungi bahan yang boleh menyebabkan permukaan gigi palsu menjadi kasar dan lebih mudah mengumpul plak. Sebaliknya, gunakan sabun seperti sabun tangan, gel mandian atau sabun pencuci pinggan yang tidak mengandungi bahan peluntur.

Selain itu, selepas memberus, gigi palsu boleh drendam dalam larutan pembersih khas.

Rendaman ini membantu menyingkirkan bakteria yang tidak dapat dihilangkan dengan memberus sahaja.

Sebelum memakai semula gigi palsu, pastikan ia dibilas dengan air bersih untuk menghilangkan kesan sabun atau larutan pembersih. Ini penting bagi mengelakkan sebarang kerengsaan atau reaksi alahan pada tisu mulut.

Kesedaran mengenai penjagaan gigi palsu perlu dipertingkatkan bagi memastikan penggunaannya tidak mendatangkan masalah kesihatan.

Membersihkan gigi palsu dengan betul bukan sahaja membantu mengekalkan kebersihan dan kesegaran mulut, tetapi juga memanjangkan jangka hayat gigi palsu itu sendiri.

PENDAPAT Rakyat

*Dr Zubaidah Zatul Abidin

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : FORUM

UTUSAN MALAYSIA MGS 25 FORUM 8/4/2025 (SELASA)

Tangani trauma di tempat kerja

LANGKAH pertama ialah mengenal pasti punca dan tanda-tanda awal kesan trauma dalam kalangan pekerja. Ada individu yang mungkin menunjukkan perubahan tingkah laku seperti kemurungan, penurunan prestasi kerja atau mengasingkan diri daripada rakan sekerja.

Ada yang mengalami simptom fizikal seperti keletihan melampau, sakit kepala berterusan atau gangguan tidur. Pemantauan yang rapi dan pendekatan prihatin daripada pihak pengurusan serta rakan sekerja boleh membantu dalam mengenal pasti mereka yang terkesan dan memerlukan bantuan.

Majikan perlu membangunkan sistem sokongan psikologi di tempat kerja seperti menyediakan kaunseling atau sesi terapi dengan pakar.

Majikan juga boleh melatih pengurus dan ketua jabatan dalam teknik asas pertolongan cemas psikologi agar mereka dapat memberikan bantuan awal kepada pekerja yang memerlukan. Keprihatinan dan empati dalam menangani trauma ini akan membantu pekerja berasa lebih dihargai dan selamat dalam persekitaran kerja mereka.

Tempat kerja perlu mewujudkan budaya yang menyokong kesihatan mental dan emosi. Salah satu cara ialah dengan memastikan komunikasi yang terbuka antara majikan dan pekerja. Pekerja harus diberi ruang untuk meluahkan perasaan tanpa rasa takut akan stigma atau tindakan balas.

Sesi dialog berkala atau kumpulan sokongan boleh diadakan bagi membolehkan pekerja berkongsi pengalaman serta mendapat dorongan daripada rakan sekerja yang lain.

Pemulihan daripada trauma tidak berlaku dalam sekelip mata. Oleh itu, tempat kerja perlu menyediakan pelan jangka panjang bagi membantu pekerja menangani kesan trauma dalam tempoh yang lebih lama. Ini boleh dilakukan dengan menawarkan fleksibiliti dalam tugas kerja seperti mengurangkan beban kerja sementara atau memberi

kebenaran untuk bekerja dari rumah bagi pekerja yang masih dalam proses pemulihan.

Dalam kes-kes tertentu, penyesuaian dalam jadual kerja atau perubahan dalam tanggungjawab boleh membantu pekerja kembali menyesuaikan diri dengan tugas mereka secara berperingkat.

Latihan dan program kesedaran mengenai trauma perlu dijalankan bagi meningkatkan kefahaman pekerja terhadap isu ini. Program ini bukan sahaja membantu individu yang mengalami trauma tetapi juga mendidik pekerja lain tentang bagaimana mereka boleh menyokong rakan sekerja yang sedang melalui proses pemulihan. Dengan kesedaran yang lebih tinggi, stigma terhadap kesihatan mental di tempat kerja dapat dikurangkan, sekali gus mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif dan menyokong.


Program seperti yoga, meditasi atau sesi terapi seni boleh membantu pekerja mengatasi tekanan dan trauma dengan cara yang lebih santai dan tidak terlalu formal serta menyediakan ruang khas yang boleh membantu mengurangkan tekanan.

Organisasi juga perlu melihat semula dasar-dasar tempat kerja bagi mencegah kejadian yang boleh mencetuskan trauma. Sebagai contoh, jika trauma berlaku akibat beban kerja yang melampau, maka pihak pengurusan perlu menilai semula struktur kerja dan memastikan pembahagian tugas yang lebih seimbang. Jika konflik dalam menjadi punca trauma, dasar berkaitan pengurusan konflik dan sokongan terhadap pekerja yang menjadi mangsa perlu diperketatkan.

Pekerja yang diberi sokongan sewajarnya akan lebih cenderung untuk kembali bekerja dengan semangat dan motivasi yang lebih tinggi.

AZIZUL AZUDIN AZIZUL RAHMAN,

Pengurus Kanan,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,
Kumpulan Interflour



PEKERJA yang berdepan trauma wajar diberi sokongan supaya dapat kembali bekerja dengan semangat dan motivasi yang lebih tinggi.